
Kerajaan tunggu persetujuan tiga raja

KOTA TINGGI: Kerajaan akan mengambil sikap bersabar sementara menunggu persetujuan tiga lagi Raja Melayu mengenai Perisytiharan Prinsip-Prinsip Perlembagaan, satu dokumen yang mengandungi 10 garis panduan perilaku raja-raja.

Perdana Menteri ketika ditanya mengenai perkara itu hanya berkata: "Kita sabar saja."

Dr Seri Dr Mahathir Mohamad berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Skim Perumahan Bakti-ladang Perbadanan Kemanusiaan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ) di Ladang Tunjuk Laut, kira-kira 50 kilometer dari sini.

Bagaimanapun, katanya, beliau berjumpa Sultan Johor petang semalam, sebagai kunjungan hormat ketika berada di negeri ini.

Pada Khamis lalu, Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba, berkata kerajaan atau Umno belum berhasrat mengadakan rundingan lanjut dengan Raja-Raja Melayu berikutan tiga daripada mereka belum memperkenankan perisytiharan itu.

Katanya, terpulang kepada raja-raja untuk berunding dan membuat keputusan mengenai perkara itu.

Perisytiharan itu dipersetujui oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Raja Perlis, Sultan Pahang, Sultan Selangor, Sultan Terengganu dan Pemangku Raja Perak di Istana Negara Kuala Lumpur, Sabtu lalu.

Ditanya usaha Malaysia membanteras lanun Perdana Menteri berkata, kerajaan akan bekerjasama dengan Singapura dan Indonesia.